

Women's Emancipation in Malaysian Literary Novels

Nor Hidayah Rahin*

Nur Nafishah Azmi**

*nafishah2610@uitm.edu.my** (Corresponding Author), *nrhidayahrahin@gmail.com***

Abstract

*This academic analysis analyses the liberation of women in the novel *Dia Bukan Syurga* (2018). Emancipation is the entitlement to liberate a woman from subjugation by men who frequently oppress her. A woman embodies gentle qualities, politeness, and an attractive appearance. The problem statement indicates that certain scenes emphasise women's dependence on men, rendering women passive and weak. This scientific study demonstrates that women do not inherently depend on men, but rather utilise men as a complement in their lives. The examination of the female character in the novel *Dia Bukan Syurga* (2018) by Rissa Adhiya will be conducted through the lens of emancipation, further demonstrating that the woman is not portrayed as weak in this narrative. Qualitative methods, including textual analysis of the novel *Dia Bukan Syurga* (2018), are employed to examine the chapters pertinent to women's emancipation. The study's findings suggest a surge in women's advocacy for their rights, serving as a pivotal element in the discourse of emancipation. This study aims to enlighten other creative writers regarding the distinct societal roles of men and women, particularly in Malaysia.*

Keywords: *female, male, liberation, narrative, literary work*

Submitted: 07/04/2025

Reviewed: 07/10/2025

Published: 31/03/2026

* Senior Lecturer in Liberal Arts Studies, College of Creative Arts, Puncak Perdana Campus, 40150 Universiti Teknologi MARA Selangor Branch, Malaysia.

** Postgraduate Student in Liberal Arts Studies, College of Creative Arts, Puncak Perdana Campus, 40150 Universiti Teknologi MARA Selangor Branch, Malaysia.



Emansipasi Wanita Dalam Novel Sastera Malaysia

Nor Hidayah Rahin*

Nur Nafishah Azmi**

nafishah2610@uitm.edu.my* (Penulis Koresponden), nrhidayahrahin@gmail.com**

Abstrak

Kajian ilmiah ini menganalisis emansipasi wanita dalam novel *Dia Bukan Syurga* (2018). Emansipasi merupakan hak pembebasan seorang wanita daripada diperhambakan oleh golongan lelaki yang sering menindasnya. Wanita sering dikaitkan dengan sifat lemah lembut, sopan santun serta keindahan perwatakan. Penyataan masalah kajian ini ialah terdapat babak-babak yang menonjolkan tentang kebergantungan wanita terhadap kaum lelaki sehingga memperlihatkan wanita itu adalah bersifat pasif dan lemah. Hakikatnya, itu bukan sifat wanita sebenar, oleh yang demikian kajian ilmiah ini membuktikan bahawa wanita tidak meletakkan kebergantungan terhadap kaum lelaki tetapi hanya menggunakan kaum lelaki sebagai pelengkap dalam kehidupan mereka. Analisis watak wanita dalam novel *Dia Bukan Syurga* (2018) karya Rissa Adhiya akan dilihat melalui konsep emansipasi seterusnya membuktikan bahawa wanita itu tidak lemah seperti yang digambarkan dalam novel ini. Kaedah kualitatif dengan membuat pembacaan teks novel *Dia Bukan Syurga* (2018) dan analisis tekstual digunakan dalam menganalisis teks novel mengikut bab yang berkaitan dengan emansipasi wanita. Dapatan kajian memberi gambaran kepada kebangkitan wanita secara tunggal adalah untuk mempertahankan hak wanita dan boleh dijadikan sokongan untuk diketengahkan sebagai kata dasar emansipasi. Diharapkan agar kajian ini dapat membuka minda penulis kreatif yang lain bahawa lelaki dan wanita mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam masyarakat, khususnya di Malaysia.

Kata kunci: wanita, lelaki, emansipasi, novel, sastera

Dihantar: 7 April 2025

Disemak: 7 Oktober 2025

Diterbit: 31 Mac 2026

* Pensyarah Kanan di Pengajian Seni Liberal, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Kampus Puncak Perdana, 40150 Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Malaysia.

** Pelajar Pascasiswazah di Pengajian Seni Liberal, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Kampus Puncak Perdana, 40150 Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Malaysia.



1.0 Pengenalan

Kajian ini menumpukan perhatian kepada isu emansipasi wanita dalam beberapa babak penting dalam novel *Dia Bukan Syurga* karya Rissa Adhiya, yang diterbitkan pada tahun 2018. Menurut Nur Saadah Khair (2020), emansipasi ditakrifkan sebagai pembebasan wanita daripada tradisi yang merendahkan martabat mereka. Penindasan terhadap wanita, menurut beliau, perlu diatasi untuk memastikan mereka tidak terus diperhambakan oleh lelaki. Dalam konteks novel *Dia Bukan Syurga*, isu emansipasi diketengahkan sebagai asas untuk menekankan kepentingan pembebasan wanita daripada ketidakadilan sosial. Nur Saadah Khair (2020) turut menegaskan bahawa emansipasi adalah pemahaman terhadap keadilan hak antara wanita dan lelaki. Kajian ini mendapati bahawa penulisan Rissa Adhiya dalam *Dia Bukan Syurga* mencerminkan realiti kehidupan masyarakat, khususnya mengenai penindasan dalam kalangan keluarga. Novel ini menggambarkan senario kehidupan yang lazim berlaku, terutama yang berkaitan dengan penindasan terhadap wanita dalam institusi keluarga. Menurut Nurhasmira Mat Rusok et al. (2019), penindasan dalam rumah tangga sering menjadi punca tekanan emosi dan psikologi yang dialami oleh wanita. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membuka minda golongan wanita yang tertindas agar mereka bangkit memperjuangkan hak-hak mereka. Penghasilan kajian ini juga diharap dapat mengangkat martabat wanita dalam masyarakat sebagai individu yang berdaya saing, bebas, dan tidak lemah. Definisi emansipasi sering dikaitkan dengan teori Barat yang menekankan bahawa wanita tidak seharusnya diperhambakan oleh lelaki. Menurut Citra Mustikawati (2015), emansipasi merujuk kepada kebebasan wanita daripada penguasaan yang bersifat menindas. Melalui perspektif Islam, emansipasi bertujuan untuk merubah pandangan masyarakat Melayu terhadap wanita serta memperjuangkan hak-hak mereka yang seringkali didiskriminasi oleh norma dan stigma tradisional. Dengan demikian, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai emansipasi wanita dalam konteks sosial dan budaya serta memberikan panduan untuk memberdayakan wanita dalam menghadapi cabaran hidup.

Wanita sering dikaitkan dengan sifat semula jadi mereka yang lemah lembut, seperti yang dinyatakan oleh Paizah Ismail (2010). Sifat kelembutan ini dapat dilihat melalui cara percakapan dan pemakaian mereka, mencerminkan ciri-ciri murni yang menjadi identiti wanita. Dalam buku *Wanita: Status Sosial dan Undang-Undang Islam*, Paizah Ismail (2010) menjelaskan bahawa tugas seorang wanita, khususnya dalam menguruskan rumah tangga, tidak dianggap terlalu berat atau membebankan. Sebagai isteri, tanggungjawab utama adalah memastikan keperluan suami dan anak-anak dipenuhi, dengan memberikan kasih sayang dan perhatian. Namun demikian, suami yang baik juga bertanggungjawab untuk menyediakan keperluan serta menjaga kebajikan keluarga. Oleh itu, hubungan antara suami dan isteri harus bersifat saling melengkapi melalui toleransi dalam mengurus rumah tangga, bukannya bergantung sepenuhnya kepada wanita. Sebaliknya, pandangan ini berbeza dengan Laura Andri Retno M (2018), yang menyatakan bahawa seorang wanita, setelah berkahwin, diwajibkan mengikuti kehendak suami sehingga seringkali tidak memiliki masa untuk memenuhi keinginan diri sendiri. Kedua-dua pandangan ini menunjukkan perbezaan pendapat yang mencerminkan sudut pandangan yang berbeza, namun kedua-duanya masih berada dalam jalur perbincangan berkaitan peranan wanita dalam institusi perkahwinan.

Seterusnya, novel secara umum dapat ditakrifkan sebagai refleksi kehidupan manusia yang menggambarkan perubahan zaman serta mempersembahkan gaya hidup dan perspektif individu melalui cerita (Indah Sriwahyuni & Yasnur Asri, 2020). Proses kreatif dalam penghasilan novel adalah unik bagi setiap penulis dan dipengaruhi oleh imaginasi serta pengalaman mereka. Menurut kajian



Andestend (2020), karya sastera terhasil daripada pemikiran kreatif pengarang, yang kemudiannya disampaikan dalam bentuk bahasa melalui penulisan. Dari perspektif Naomi Natalia Pengaribun et al. (2019), novel didefinisikan sebagai sebuah naratif yang menggambarkan kehidupan manusia, dengan jalan cerita yang dirangka mengikut kreativiti pengarang. Novel bukan hanya medium penceritaan tetapi juga merupakan gambaran kehidupan manusia yang disusun berdasarkan kreativiti dan pemahaman pengarang terhadap realiti kehidupan. Oleh itu, pemahaman terhadap makna novel menjadi penting untuk memberikan gambaran yang lebih jelas kepada pengkaji mengenai perkembangan kehidupan manusia melalui karya sastera.

Novel *Dia Bukan Syurga* karya Rissa Adhiya (2018) mengisahkan perjalanan hidup Nuha, seorang wanita yang mengalami konflik dalam perkahwinannya bersama Tajul. Cinta Nuha terhadap Tajul tidak hanya bersifat lafaz tetapi mencerminkan keikhlasan dan ketulusan yang mendalam. Namun, perkahwinan mereka tidak berjalan seperti yang diharapkan. Tajul, yang mempunyai sifat panas baran dan cemburu buta, sering memperlakukan Nuha dengan kejam sehingga kehidupan perkahwinan Nuha menjadi tidak bahagia. Nuha pada awalnya berharap perkahwinan mereka mampu mengubah sikap Tajul, tetapi harapan itu menjadi sia-sia apabila kelakuan Tajul semakin buruk selepas mereka berkahwin. Tajul mula mengawal kehidupan Nuha, menjadikannya seolah-olah hamba dalam rumah tangga mereka. Meskipun Nuha memendam segalanya demi mengekalkan kebahagiaan perkahwinan mereka di mata masyarakat, sikap Tajul terus mendera jiwa dan mentalnya. Bagi Tajul, cemburu buta adalah lambang cinta, tetapi bagi Nuha, ia adalah satu bentuk penderaan psikologi. Kemuncak konflik terjadi apabila satu kemalangan yang tidak dijangka membawa kepada perpisahan antara mereka. Selepas berpisah, Nuha akhirnya bangkit, memperbaiki kehidupannya, dan menemui ketenteraman tanpa bergantung kepada Tajul. Novel ini membawa isu keganasan rumah tangga dan perjuangan emansipasi wanita, menunjukkan bahawa wanita mampu bangkit dan memperjuangkan hak mereka. Watak Nuha, yang berpendidikan tinggi dan bijak menguruskan masa, menjadi contoh bahawa wanita tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada lelaki. Menurut Sarojini A/P Karuppiah (2018), wanita perlu berusaha menentang penindasan supaya tidak diperalatkan oleh lelaki. Nuha, sebagai protagonis, menggambarkan seorang wanita yang mampu berdikari dan keluar daripada kitaran penindasan, sejajar dengan konsep emansipasi wanita. Novel *Dia Bukan Syurga* karya Rissa Adhiya diterbitkan pada tahun 2018 dengan 533 halaman bercetak. Gaya penulisan Rissa Adhiya dianggap unik, dengan struktur ayat yang tersusun rapi, menjadikan karya beliau mendapat pengiktirafan, termasuk Anugerah Novel Popular pada tahun 2015 dan Anugerah Penerbitan Bestseller pada tahun 2017. Novel ini mengetengahkan elemen kekeluargaan serta isu hak wanita dalam konteks perkahwinan.

Dalam kajian ini, tema utama yang diterokai adalah emansipasi wanita, dengan fokus kepada isu pembebasan wanita daripada penindasan lelaki. Berdasarkan *Dia Bukan Syurga*, emansipasi wanita digambarkan melalui perjuangan Nuha untuk membebaskan dirinya daripada penghambaan dalam rumah tangga. Pandangan ini sejajar dengan kajian Nurhasmira Mat Rusok et al. (2019), yang menekankan kepentingan memperluaskan hak wanita dalam pelbagai bidang seperti sosial, politik, ekonomi, dan pendidikan untuk melindungi mereka daripada penindasan.

1.1 Pernyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk menolak tanggapan umum yang menyatakan wanita secara semula jadi bersifat pasif dan lemah, seperti yang dinyatakan oleh Saidatul Nadia (2021). Tanggapan bahawa wanita sering bergantung kepada lelaki ingin dicabar melalui kajian ini, dengan menunjukkan bahawa wanita sebenarnya hanya menjadikan lelaki sebagai pelengkap dalam kehidupan mereka, bukan sebagai kebergantungan mutlak. Nur Hasmira Mat Rusok et al. (2019) membincangkan pandangan Siti



Khairiah Zubir (2012) yang memperkenalkan tiga konsep utama emansipasi. Pertama, emansipasi sebagai fenomena berkaitan persoalan cinta dan seks. Kedua, emansipasi sebagai gerakan yang melibatkan hubungan wanita dalam institusi kekeluargaan. Ketiga, emansipasi sebagai usaha memodenkan wanita untuk berdiri sendiri. Konsep-konsep ini menjadi asas penting dalam kajian untuk menyokong idea bahawa emansipasi adalah mekanisme untuk mengelakkan wanita daripada diperhambakan oleh lelaki yang tidak bertanggungjawab. Kajian ini menjadikan kenyataan Siti Khairiah Zubir (2012) sebagai sandaran, sekali gus menolak kenyataan Saidatul Nadia (2021) yang menyatakan bahawa wanita bersifat pasif dan lemah. Kajian ini menetapkan dua objektif utama iaitu menganalisis watak wanita dalam novel *Dia Bukan Syurga* (2018) karya Rissa Adhiya berdasarkan konsep emansipasi seterusnya, membuktikan bahawa wanita tidak bersifat lemah sebagaimana digambarkan dalam novel *Dia Bukan Syurga* (2018) karya Rissa Adhiya melalui konsep emansipasi. Objektif bertujuan untuk mengukuhkan hujah dalam kajian, bersandarkan kajian-kajian lepas, dan membantu membuktikan relevansi konsep emansipasi dalam konteks watak dan tema novel tersebut.

Kajian ini memberi penekanan kepada hak pembebasan wanita dengan tujuan untuk membuktikan bahawa wanita tidak lemah dan mampu memperbaiki kehidupan mereka. Kepentingan kajian adalah memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya memperjuangkan kebebasan wanita, sekaligus membolehkan wanita menjadi lebih produktif dan bebas daripada penindasan. Keberhasilan wanita dalam kehidupan mereka bukan sahaja memberikan kepuasan tetapi juga melindungi mereka daripada golongan yang tidak memahami makna sebenar emansipasi. Skop kajian difokuskan kepada watak Nuha dalam novel *Dia Bukan Syurga* (2018), khususnya keadaan emansipasi yang ditonjolkan semasa hubungannya dengan Tajul. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan analisis tekstual terhadap satu bahan bacaan sahaja, iaitu novel tersebut. Oleh itu, kajian ini bertumpu kepada isu emansipasi dalam konteks percintaan dan perkahwinan. Limitasi kajian ini adalah pada fokusnya yang hanya melibatkan watak Nuha dan perjalanannya dalam novel, tanpa mengambil kira konteks emansipasi di luar cerita tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini memberikan pengajaran dan iktibar yang relevan kepada komuniti pembaca, terutama dalam memahami kepentingan emansipasi sebagai satu bentuk perjuangan wanita. Kajian ini merumuskan bahawa wanita tidak bersifat lemah, tetapi mampu bangkit mempertahankan maruah mereka, sesuai dengan objektif yang telah dinyatakan. Pemahaman terhadap konsep emansipasi membuka peluang kepada wanita untuk lebih berdikari dan tidak bergantung sepenuhnya kepada lelaki. Seperti yang ditegaskan oleh Kalsum Umar et al. (2021), emansipasi adalah perjuangan pembebasan yang melibatkan tuntutan terhadap hak-hak wanita secara menyeluruh. Oleh itu, melalui kajian ini, konsep emansipasi dapat memberikan kesan moral, nilai murni, dan pengajaran kepada semua golongan wanita dalam masyarakat.

2.0 Tinjauan Kesusasteraan

Pemahaman tentang makna emansipasi dalam kajian lepas oleh Citra Mustikawati (2015) membincangkan karya *Habis Gelap Terbitlah Terang* oleh R. A. Kartini yang secara signifikan menonjolkan konsep emansipasi wanita. Menurut Citra Mustikawati (2015), emansipasi wanita adalah hak untuk memperjuangkan kesamarataan kedudukan dan hak antara lelaki dan perempuan. Penulisan R. A. Kartini menekankan bahawa wanita perlu memiliki kebebasan dalam pendidikan dan kehidupan rumah tangga. Kajian ini memberi tumpuan kepada cara penulisan R. A. Kartini dalam menggambarkan pelbagai dimensi pemikiran beliau melalui karya tersebut. Secara keseluruhannya, emansipasi wanita merujuk kepada perjuangan untuk membebaskan wanita daripada penghambaan oleh lelaki. Kajian Citra Mustikawati (2015) memberikan pemahaman yang mendalam kepada pengkaji tentang makna emansipasi melalui analisis pemikiran yang terkandung dalam *Habis Gelap Terbitlah Terang*.



Penulisan jurnal kajian oleh Nurhasmira Mat Rusok et al. (2019) mengkaji pemahaman tentang konsep emansipasi wanita dalam novel-novel Melayu dari sudut pandangan komuniti sosial. Kajian ini memfokuskan kepada novel-novel Melayu yang diterbitkan antara tahun 1960-an hingga 1990-an oleh pengarang wanita seperti Khadijah Hashim, Zaharah Nawawi, dan Rosmini Shaar. Penekanan diberikan kepada isu-isu yang berkaitan dengan wanita, memandangkan penulis-penulis ini sendiri adalah wanita. Menurut Nurhasmira Mat Rusok et al. (2019), karya-karya mereka sering memaparkan elemen pengorbanan, ketabahan, kegembiraan, penderitaan, penindasan, dan pelbagai pengalaman lain yang mencerminkan dunia wanita. Kajian ini turut menekankan sifat wanita yang kadangkala digambarkan sebagai emosional dan sukar untuk membuat keputusan, yang sering menjadi tanggapan golongan lelaki. Salah satu novel penting yang menjadi pilihan dalam perbincangan kajian ini ialah *Hikayat Faridah Hanum* (1926) karya Syed Syeikh Al-Hadi, yang mengetengahkan hak pembebasan wanita. Tesis ini menggunakan teori feminisme sebagai kerangka utama, dengan penekanan kepada perjuangan feminisme melalui watak-watak wanita yang menjadi pusat kepada naratif novel. Nurhasmira Mat Rusok et al. (2019) menyatakan bahawa perjuangan feminisme dalam sastera Melayu bertujuan membantu mewujudkan persefahaman antara lelaki dan wanita dengan cara menghormati dan memahami prinsip, pendirian, dan pendapat masing-masing yang sesuai dengan fitrah kejadian mereka. Penelitian ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang makna emansipasi dan kebenaran perjuangan feminisme, menjadikannya sumber penting dalam memahami isu emansipasi wanita dalam konteks sastera Melayu.

Kajian oleh Herman Didipu et al. (2021) dalam jurnal bertajuk "*Emansipasi Wanita dalam Novel Aku Lupa Bahwa Aku Perempuan karya Ihsan Abdul Quddus*" yang diterbitkan dalam jurnal bahasa, sastra, dan budaya, mengkaji konsep emansipasi wanita dalam pelbagai bidang. Kajian ini membahagikan emansipasi kepada empat bidang utama, iaitu pendidikan, politik, keluarga, dan pekerjaan. Berdasarkan teori feminisme yang digunakan, kajian ini menekankan perjuangan untuk mencapai kesamarataan jantina. Menurut Herman Didipu et al. (2021), novel *Aku Lupa Bahwa Aku Perempuan* memberi penekanan kepada pendidikan sebagai keutamaan bagi wanita, melebihi keperluan untuk berkahwin. Naratifnya menunjukkan perjuangan wanita melawan dominasi lelaki demi pendidikan dan emansipasi politik, yang dicerminkan melalui tindakan protagonis menjadi pemimpin wanita. Kepentingan pendidikan untuk wanita turut ditekankan sebagai salah satu elemen penting dalam gerakan emansipasi, kerana pendidikan yang setara dengan lelaki memberikan kekuatan kepada wanita untuk memperjuangkan hak-hak mereka, termasuk dalam bidang pekerjaan. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendidikan tinggi patut diperoleh oleh wanita sebagai asas untuk menerapkan gerakan emansipasi dan mencapai kesamarataan jantina. Hasil penelitian ini memberikan pemahaman yang luas mengenai gerakan emansipasi dalam feminisme dan kepentingannya dalam memperjuangkan hak-hak wanita. Penelitian ini juga menjadi panduan yang berguna bagi pengkaji dalam menganalisis konsep emansipasi wanita secara lebih mendalam.

Dalam tesis Nurhasmira Mat Rusok (2018) bertajuk "*Emansipasi Wanita dalam Novel-Novel Pilihan*", yang ditulis sebagai sebahagian daripada pengajian sarjana di Universiti Putra Malaysia, kajian ini memberi fokus kepada isu-isu berkaitan emansipasi wanita dalam novel-novel pilihan. Kajian ini meneliti penindasan wanita sebagai tema utama yang turut memaparkan elemen pengorbanan, ketabahan, kegembiraan, dan penderitaan. Menurut Nurhasmira Mat Rusok (2018), isu-isu kewanitaan yang terdapat dalam novel-novel ini mencetuskan idea baharu yang relevan untuk penghasilan pandangan kritis dalam kajian sastera. Kajian ini menganalisis lima novel terpilih yang diterbitkan antara tahun 1960-an hingga 1990-an, dengan memberi perhatian kepada tema dan plot yang menonjolkan perjuangan emansipasi wanita. Nurhasmira Mat Rusok (2018) menegaskan bahawa wanita memiliki hak kewanitaan yang perlu diperjuangkan untuk mempertahankan maruah mereka sendiri. Penelitian ini



memberikan gambaran terperinci mengenai isu-isu kemanusiaan yang relevan, yang mampu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang nilai belas kasihan terhadap golongan wanita. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan pandangan baharu yang signifikan dalam menghasilkan analisis sastera, sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang isu emansipasi wanita dalam konteks sastera Melayu.

Walimatul Quliyah Matiasin (2022), dalam tesis bertajuk "*Transkripsi Perwatakan Wanita dalam Novel Hatimu Aisyah Karya Zurinah Hassan: Perspektif Feminisme*" yang dihasilkan di Universiti Malaysia Kelantan, meneliti secara mendalam perwatakan wanita. Kajian ini menggambarkan perwatakan wanita sebagai individu yang memiliki sifat lemah lembut dan pelbagai kelebihan dalam menguruskan kehidupan. Selain itu, kajian ini turut meneliti perwatakan wanita sebagai isteri, termasuk ciri-ciri seperti bersikap pemalu, prihatin terhadap suami, dan mudah bersyukur. Kajian oleh Walimatul Quliyah Matiasin (2022) memberikan kefahaman yang lebih jelas mengenai tanggungjawab wanita dalam pelbagai aspek kehidupan, khususnya dalam konteks rumah tangga. Penemuan ini boleh dijadikan rujukan dan sandaran bagi pengkaji lain untuk menyokong kajian yang berkaitan dengan isu-isu wanita, terutama dalam menganalisis peranan dan tanggungjawab wanita dalam masyarakat.

Kajian oleh Elizatul Nastaysah Kamaruddin (2016), bertajuk "*Representasi Watak Wanita dalam Karya Sastera Melayu Moden Berdasarkan Kerangka Taklif*", memberi tumpuan kepada analisis perwatakan wanita dalam sastera Melayu moden. Kajian ini memperlihatkan kefahaman yang mendalam terhadap perwatakan wanita serta bagaimana pengkaji merumuskan konsep kewanitaan dengan lebih jelas. Dalam kajian ini, Elizatul Nastaysah Kamaruddin menggunakan kerangka *taklif*, iaitu gagasan yang berteraskan unsur agama, untuk menjelaskan matlamat kesusasteraan sebagai medium yang melaksanakan kebaikan dan menolak kejahatan. Konsep *taklif* yang diterapkan dalam kajian ini menekankan unsur agama ilmiah yang bertujuan memberikan keadilan kepada wanita berdasarkan hukum agama. Walaupun dapatan kajian ini tidak sepenuhnya memperjelas konsep sebenar wanita, ia tetap menyumbang kepada pemahaman tentang keperluan mempertahankan wanita dari sudut pandangan agama. Kajian ini memberikan perspektif unik yang relevan untuk menyokong analisis berkaitan dengan isu kewanitaan dalam sastera Melayu.

Sarajini A/P Karuppiah (2018) dalam kajiannya menggunakan novel *Asam Pedas untuk Dia* dan *Ombak Rindu* sebagai bahan kajian untuk menganalisis imej wanita dalam sastera Melayu moden. Menurut Sarajini, feminisme merupakan salah satu gerakan sosial yang terdiri daripada kaum wanita dengan tujuan mencapai keseimbangan dan persamaan hak antara lelaki dan wanita. Gerakan feminisme ini bertujuan untuk merubah sistem patriarki yang mendominasi, di mana darjat lelaki sering diletakkan lebih tinggi daripada wanita. Kajian ini turut menggunakan pendekatan teori ginokritik, yang memfokuskan kepada wanita dengan tujuan membebaskan mereka daripada penderaan dan penindasan oleh lelaki yang tidak bertanggungjawab. Analisis terhadap kedua-dua novel mendapati bahawa kedua-duanya menggambarkan perjuangan wanita untuk mencapai kebebasan dan keadilan, sekali gus memberikan pemahaman yang mendalam tentang cabaran yang dihadapi oleh wanita dalam masyarakat patriarki. Hasil kajian ini memberikan sumbangan yang relevan kepada pengkaji dalam memahami isu-isu kewanitaan, khususnya dalam konteks novel *Dia Bukan Syurga* karya Rissa Adhiya (2018), kerana ia menyediakan asas untuk menganalisis emansipasi wanita dalam sastera. Novel-novel yang dikaji oleh Sarajini juga membantu memberikan gambaran tentang tema feminisme dan perjuangan wanita yang relevan dengan isu-isu semasa.

Menurut kajian Laura Andri Retno M (2018), penindasan perempuan melalui institusi perkahwinan telah dianalisis dalam novel *Gadis Tangsi* karya Suparto Brata. Kajian ini, yang dilakukan oleh penulis dari



Indonesia, menyediakan panduan yang jelas mengenai tema wanita dalam konteks latar sosial awal abad ke-20. Novel tersebut menggambarkan perkahwinan sebagai salah satu bentuk penindasan terhadap wanita, di mana golongan wanita yang tertindas sering kali kehilangan suara mereka dalam menentukan jodoh, pelaksanaan perkahwinan, tempat tinggal, dan hubungan seksual. Akibatnya, wanita tersebut diberi peranan dan kedudukan yang stereotaip dan dianggap rendah. Laura Andri Retno M (2018) menyatakan bahawa karya sastera seperti ini adalah refleksi pengarang terhadap keadaan sosial pada zamannya, sekaligus memberikan panduan untuk menempatkan wanita dalam perjuangan melawan pengaruh yang merendahkan martabat mereka. Hasil kajian ini memberikan rujukan penting kepada pengkaji untuk memahami isu penindasan wanita dalam perkahwinan serta membantu dalam penghujahan kajian semasa.

Selain itu, kajian Andestend (2020) meneliti feminisme sosialis dalam novel *Mencari Perempuan yang Hilang* karya Imad Zaki. Kajian ini memberi tumpuan kepada pendekatan feminisme sosialis, yang dianggap sebagai gerakan politik yang mengkritik asumsi-asumsi salah tentang wanita. Menurut Andestend (2020), feminisme sosialis memberi gambaran tentang kewanitaan yang sering kali berkait rapat dengan isu sosial, khususnya dalam masyarakat yang patriarki. Novel ini menunjukkan bagaimana wanita sering kali dimanfaatkan oleh lelaki untuk kepentingan mereka sendiri. Andestend juga menekankan bahawa novel merupakan salah satu medium sastera yang popular, dengan tema-tema yang beragam, termasuk gambaran masalah sosial dan isu-isu yang berkaitan dengan wanita. Walaupun dapatan kajian ini tidak memberikan kefahaman yang mendalam tentang kajian pengkaji, ia tetap memberikan gambaran umum yang berguna tentang bagaimana feminisme sosialis digambarkan dalam novel, sekali gus menyumbang kepada pemahaman tentang isu emansipasi wanita dalam konteks sastera.

Dapatan kajian oleh Yofiendi Indah Indainanto (2020) yang diterbitkan dalam jurnal komunikasi membincangkan isu normalisasi kekerasan seksual terhadap wanita di media dalam talian. Kajian ini mengetengahkan kemunculan kekerasan seksual dalam kehidupan realiti, yang sering kali diangkat melalui pelbagai isu yang dilaporkan oleh media dalam talian dan berita yang sahih. Kajian ini juga memberikan perspektif feminisme yang menekankan kesedaran tentang penindasan terhadap wanita dan pentingnya menghargai diri serta menolak objektifikasi wanita sebagai sasaran kekerasan seksual yang tidak bermoral. Yofiendi Indah Indainanto (2020) menggunakan analisis *framing* terhadap pemberitaan di *Tribunews.com*, dengan fokus kepada kekerasan seksual. Analisis ini merangkumi beberapa elemen, iaitu identifikasi masalah (*problem identification*), tafsiran penyebab (*causal interpretation*), penilaian moral (*moral judgement*), dan cadangan penyelesaian (*treatment recommendation*). Kajian ini menunjukkan bahawa perhatian media terhadap pemberitaan kekerasan seksual berfungsi untuk menyampaikan isu ini dari pelbagai sudut pandangan, sekaligus meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan melindungi wanita daripada penindasan. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam membantu pengkaji memahami konteks penindasan dan kekerasan seksual secara lebih mendalam. Kajian Yofiendi Indah Indainanto (2020) telah menjadi sandaran yang kukuh dalam menerangkan isu kekerasan seksual dengan pendekatan yang berstruktur, sekali gus memberikan pengkaji idea baharu dan panduan untuk menghasilkan analisis yang lebih komprehensif.

Darmawati H (2017) membincangkan penceraian dari perspektif sosiologi dan telah menjadi rujukan penting dalam kajian ini. Penelitian tersebut menyoroti impak penceraian terhadap anak-anak, yang sering kali mengalami penderitaan emosi dan kehilangan rasa nyaman. Anak-anak daripada keluarga yang bercerai cenderung menghadapi kesukaran, terutamanya apabila penceraian berpunca daripada masalah ekonomi (Darmawati H, 2017). Selain itu, bekas pasangan suami isteri juga kerap berhadapan



dengan stigma sosial, yang menyebabkan mereka enggan menyebut status mereka sebagai janda atau duda, malah ada kalanya menjauhi masyarakat kerana rasa malu. Penelitian ini lebih memfokuskan kepada keluarga yang bercerai dengan anak-anak, serta langkah-langkah untuk mengatasi permasalahan yang timbul. Menurut Darmawati H (2017), perceraian ditakrifkan sebagai berakhirnya ikatan perkahwinan akibat ketidaksesuaian antara pasangan. Perpisahan ini sering memberikan kesan negatif, bukan sahaja terhadap anak-anak, tetapi juga terhadap bekas pasangan dan pandangan masyarakat terhadap mereka. Ini memberikan gambaran mendalam tentang kesan sosial perceraian dan menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik dalam menangani isu-isu berkaitan. Dapatan yang diperoleh menjadi rujukan relevan dan sokongan penting untuk analisis yang lebih terperinci, sekaligus menawarkan panduan untuk memahami dan mengatasi kesan sosial yang timbul daripada perceraian.

Saidatul Nadia (2021) meneliti pengarang Rahimidin Zahari berkaitan wanita dalam sajak-sajak cinta. Penelitian ini menganalisis kumpulan puisi yang mengungkapkan perasaan cinta serta menyampaikan bait-bait yang kaya dengan emosi dan makna. Fokus utama adalah bentuk bahasa yang digunakan oleh Rahimidin Zahari, yang mencerminkan gagasan pemikiran yang waras dan berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan. Menurut Saidatul Nadia (2021), karya tersebut turut menunjukkan bagaimana penindasan menjadikan wanita berada pada tahap yang rendah, seolah-olah hanya layak menjadi objek nafsu lelaki. Fenomena ini dikaitkan dengan peranan wanita dalam konteks masyarakat, individu, dan institusi negara. Penelitian ini sangat relevan kerana memberikan sokongan penting kepada objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji, iaitu memahami peranan wanita dan mengangkat maruah mereka dalam konteks sastera. Oleh itu, penelitian Saidatul Nadia (2021) berfungsi sebagai rujukan berguna untuk memperkukuh hujahan pengkaji, sekaligus membantu dalam memahami idea baharu yang berkaitan dengan isu wanita dalam karya sastera.

Nur Saadah Khair (2020), melalui artikel Bernama bertajuk "*Memahami Konsep Emansipasi Wanita*", membincangkan isu penerimaan konsep emansipasi dalam pemikiran masyarakat secara umum. Menurutnya, emansipasi merujuk kepada pembebasan wanita daripada penindasan. Konsep ini telah diperkenalkan sejak zaman Rasulullah SAW, yang membawa perubahan besar dengan memberikan hak kepada wanita dan membebaskan mereka daripada tradisi jahiliah yang merendahkan martabat mereka. Penulis turut menekankan bahawa emansipasi dalam Islam adalah hasil perjuangan para ulama untuk mempertahankan hak-hak wanita agar tradisi jahiliah tidak berulang. Dalam konteks ini, wanita berperanan memelihara hak mereka berdasarkan ajaran agama, yang menjadi panduan utama untuk kehidupan yang lebih seimbang. Penulisan oleh Nur Saadah Khair (2020) memberikan sumbangan penting sebagai hujahan sokongan yang kuat, membantu memperkukuh analisis dan memahami konsep emansipasi wanita dalam konteks Islam dan masyarakat moden.

Tan Lee See, Sa'odah Ahmad, dan Zanariah Ismail (2018), dalam kajian bertajuk "*Perkaitan antara Gaya Cinta dengan Kepuasan Perkahwinan dalam Kalangan Orang Islam di Selangor*", menerangkan bentuk gaya cinta yang sering diamalkan dalam hubungan percintaan. Kajian ini mengkategorikan enam gaya cinta. Pertama, eros, yang menunjukkan cinta romantik dengan tarikan yang kuat terhadap fizikal dan emosi pasangan. Kedua, ludus, yang melihat cinta sebagai permainan, bertujuan mendapatkan keseronokan dan lebih dramatik, dengan risiko melibatkan emosi. Ketiga, stroge, iaitu cinta yang berkembang dalam jangka masa panjang, biasanya bermula daripada persahabatan. Seterusnya, pragma adalah gabungan gaya cinta ludus dan stroge, yang dilihat sebagai cinta yang rasional dan matang. Gaya cinta mania, gabungan eros dan ludus, dicirikan oleh cinta yang keterlaluan, penuh dengan cemburu, dan sering mengganggu emosi sehingga menyebabkan tekanan. Akhir sekali, agape menggabungkan stroge dan eros, mencerminkan cinta yang tidak mementingkan diri sendiri, penuh



pertimbangan, dan mudah bertolak ansur. Menurut Tan Lee See et al. (2018), cinta dan gaya bercinta adalah elemen penting dalam kehidupan individu, kerana ia mampu menyumbang kepada kesejahteraan dan kesihatan psikologi. Penyelidikan ini, walaupun hanya sebagai bahan tambahan untuk pembacaan, membantu pengkaji memahami konsep percintaan yang sebenar dan memberikan idea baharu untuk memperkayakan analisis kajian.

3.0 Tiga Konsep Emansipasi

Kajian ini bertujuan menganalisis representasi watak wanita dalam novel *Dia Bukan Syurga* dengan menumpukan perhatian kepada pemberian hak yang setara antara wanita dan lelaki, di samping menggambarkan konsep emansipasi yang ditonjolkan melalui beberapa babak dalam teks. Emansipasi, seperti yang didefinisikan oleh Darmawati H. (2017), merujuk kepada perubahan besar dalam kehidupan wanita untuk membebaskan mereka daripada belenggu penghambaan. Dapatan kajian menunjukkan situasi dalam novel ini yang menggambarkan penindasan wanita oleh golongan lelaki, sekali gus menolak stereotaip bahawa wanita lemah dan bergantung kepada lelaki. Menurut Nur Hasmira Mat Rusok et al. (2019), terdapat tiga konsep utama emansipasi wanita yang dibincangkan dalam analisis ini: semasa bercinta, iaitu peranan watak wanita dalam persoalan cinta dan seksualiti; dalam alam perkahwinan, iaitu kedudukan wanita dalam hubungan kekeluargaan; serta selepas perceraian, iaitu transformasi watak wanita ke arah kemandirian dan keupayaan berdikari. Kajian ini secara keseluruhan menunjukkan bahawa emansipasi wanita seperti yang digambarkan dalam *Dia Bukan Syurga* menjadi simbol penting dalam perjuangan menuntut hak dan keadilan gender.

3.1 Semasa Bercinta: Watak Wanita dalam Persoalan Cinta dan Seks

Analisis watak Nuha dalam konteks hubungan cinta berdasarkan ciri-ciri emansipasi menunjukkan keberanian seorang wanita untuk mempertahankan diri daripada ditindas, yang menjadi salah satu langkah penting dalam mengatasi tabiat negatif yang sering berlaku sejak zaman jahiliah. Menurut Yofiendi Indah Indainanto (2020), kekerasan atau penindasan terhadap wanita sering kali disebabkan oleh persepsi lelaki sebagai subjek dominan, manakala wanita diletakkan sebagai objek. Penindasan ini, yang berakar daripada isu sosial yang melibatkan hubungan gender, terus menjadi cabaran dalam masyarakat moden. Walaupun lelaki memainkan peranan penting dalam kehidupan wanita dan kedua-dua gender saling melengkapi, eksploitasi terhadap peranan wanita sering menjadikan mereka seolah-olah berada dalam kedudukan seperti hamba. Namun demikian, ciri-ciri emansipasi dapat dilihat dalam watak Nuha, khususnya melalui dialog yang mencerminkan keberanian untuk menegakkan keadilan dan membela diri daripada ditindas. Seperti yang dinyatakan oleh Laura Andri Retno M. (2018), layanan buruk lelaki terhadap wanita, sama ada melalui tindakan atau percakapan yang tidak sopan, sering mengakibatkan hubungan yang tidak harmonis dan tidak bertahan lama. Isu layanan buruk ini bukan sahaja mempengaruhi hubungan interpersonal tetapi juga mempunyai implikasi yang lebih luas terhadap kehidupan wanita di seluruh dunia. Watak Nuha dengan keberaniannya melawan penindasan menggambarkan simbol penting emansipasi wanita dalam memperjuangkan hak dan maruah diri.

“kawan-kawan saya pun baik juga. Kami bukan keluar ke mana. Sekadar pergi makan dan berjoging. Cuma kadang-kadang sahaja kami keluar menonton wayang dan membeli-belah Bersama. Takkanlah itu pun tak boleh?” Nuha mula rasa tidak puas hati.

(Muka surat 10)

Situasi babak yang melibatkan Nuha menggambarkan bagaimana beliau mempertahankan dirinya daripada persepsi buruk yang dilemparkan oleh Tajul. Tajul menuduh Nuha sebagai wanita yang murah



kerana bergaul dengan individu yang dianggap tidak baik, namun tuduhan tersebut ternyata tidak berasas. Watak Nuha menonjolkan keberanian seorang wanita untuk melawan sikap sinis atau sindiran yang berpotensi menindas maruahnya. Sifat berani ini membolehkan seseorang wanita mengambil langkah tegas untuk melawan perlakuan tersebut, sama ada melalui pengungkapan lisan, tindakan hukum, atau pendekatan lain yang relevan. Selain itu, kekuasaan lelaki terhadap wanita yang berasaskan konsep memiliki dan mengawal pasangan, seperti yang diuraikan oleh Andestend (2020), juga merupakan bentuk penindasan yang sering tidak disedari. Wanita berhak menentukan kehidupan mereka sendiri tanpa perlu dikawal secara berlebihan oleh lelaki, kerana kawalan yang melampau adalah satu bentuk pemaksaan yang tidak wajar. Dalam konteks ini, wanita harus diberi ruang untuk membuat keputusan sendiri, termasuk dalam hal-hal yang melibatkan keinginan dan pilihan peribadi mereka. Contoh dialog dalam teks yang menyokong keberanian Nuha untuk mempertahankan dirinya adalah seperti berikut, "Tajul, jangan sesekali kau menilai aku hanya berdasarkan orang yang aku kenal. Aku tahu siapa aku, dan aku tidak perlukan penilaian kau untuk membuktikan diri aku." Dialog ini menunjukkan ketegasan Nuha dalam menolak tuduhan Tajul, sekali gus memperlihatkan ciri emansipasi yang membebaskan wanita daripada tanggapan negatif yang tidak berasas. Sikap ini menegaskan bahawa wanita juga mempunyai hak dan keberanian untuk mempertahankan maruah diri mereka daripada diperlakukan dengan tidak adil.

"Dia kenalah belajar terima apa yang aku suka makan. Nanti dah kahwin macam mana kalau selera pun dah berbeza? Belum lagi yang lain-lain."

"Tak apalah, Abang Arham. Nuha boleh makan." Malas mahu mendengar dirinya yang dijadikan sebagai subjek utama dalam pergaduhan adik-beradik itu, Nuha segera menyampuk. Lambat-lambat lauk paru dan limpa itu dicapainya, mahu digaul dengan nasi.

(Muka surat 56)

Babak yang memaparkan watak Tajul yang memaksa Nuha untuk menyukai apa yang dia gemari mencerminkan tabiat penderaan emosi melalui pemaksaan. Keperibadian Tajul yang digambarkan sebagai seorang lelaki yang suka mengawal wanita menunjukkan kecenderungan untuk memastikan wanita mematuhi kehendak dan perintahnya tanpa memberi ruang kepada wanita untuk membuat pilihan sendiri. Sikap seperti ini adalah bentuk pemaksaan yang bersifat zahir, di mana Tajul tidak mempertimbangkan sama ada wanita tersebut bersetuju atau tidak dengan kehendaknya. Menurut Indah Sriwahyuni dan Yasnur Asri (2020), individu yang menggunakan bahasa bersifat sindiran sering menyampaikan makna tersirat yang mengandungi kemarahan, kejengkelan, atau niat untuk merosakkan dalam konteks hubungan sosial. Sindiran seperti ini menjadi salah satu bentuk manipulasi yang merosakkan emosi dan maruah seseorang, terutama dalam hubungan antara lelaki dan wanita. Sikap ini tidak hanya menimbulkan ketegangan dalam hubungan tetapi juga menghalang komunikasi yang jujur dan membina. Dalam situasi seperti ini, pendekatan komunikasi yang terbuka dan membina adalah lebih berkesan untuk mencapai kesefahaman serta menyelesaikan masalah yang wujud dalam hubungan. Pemaksaan dan sindiran hanya akan memperburuk hubungan dan menyekat kebebasan wanita untuk menyatakan perasaan dan pendapat mereka. Oleh itu, watak Tajul dapat dilihat sebagai simbol dominasi lelaki yang perlu diatasi melalui kesedaran tentang pentingnya hubungan yang berdasarkan saling menghormati dan komunikasi yang baik.

Individu yang mengamalkan gaya bercinta seperti yang ditunjukkan oleh watak Tajul dalam babak ini memperlihatkan ciri-ciri cemburu dan keraguan terhadap keikhlasan serta komitmen



pasangan, seperti yang diuraikan oleh Tan Lee See et al. (2018). Sifat cemburu ini sering muncul apabila individu tersebut merasa terganggu oleh kemungkinan pasangan lebih menyayangi atau memberikan perhatian mendalam dalam hubungan. Dalam gaya ini, individu mungkin awalnya menunjukkan minat terhadap pelbagai orang atau menikmati kegembiraan pada permulaan hubungan, tetapi sikap mereka berubah apabila emosi yang lebih mendalam terlibat. Babak di mana Tajul meninggalkan Nuha di tepi jalan akibat rasa cemburu adalah satu manifestasi sifat tersebut. Perbuatan Tajul, yang tidak mepedulikan keselamatan Nuha, menunjukkan kurangnya rasa simpati dan tanggungjawab terhadap orang lain, terutama pasangan. Tindakan ini mencerminkan ketidakmatangan emosional dan ketidakseimbangan dalam hubungan, di mana sifat cemburu mengatasi nilai empati dan kepedulian terhadap pasangan. Sikap seperti ini tidak hanya menunjukkan ketoksikan dalam hubungan tetapi juga memberi kesan kepada maruah dan kesejahteraan wanita. Perbuatan meninggalkan Nuha di situasi yang berbahaya menonjolkan dinamika kuasa yang tidak adil dalam hubungan, di mana wanita diperlakukan tanpa mempertimbangkan perasaan atau keselamatan mereka. Babak ini menggarisbawahi pentingnya membina hubungan berdasarkan kepercayaan, empati, dan tanggungjawab bersama untuk memastikan keharmonian dan keseimbangan dalam hubungan antara pasangan.

“Dah tu, kau balik naik apa tadi?”

“Naik bas. Nak naik teksi, tapi bawa duit tak cukup. Naik bas kau tahulah, bukannya sampai ke dalam. Berhenti setakat depan simpang jalan besar tu aje. Menapaklah aku dari hentian bas tu bas tu ke rumah.” Hentian bas ke rumah sewa mereka boleh tahan juga jauhnya. Sempatlah basah baju dibuatnya. Tambah-tambah lagi dalam keadaan cuaca panas begini.

(Muka surat 69)

Berdasarkan babak di atas, tindakan Nuha selepas ditinggalkan oleh Tajul di tepi jalan memperlihatkan keberanian dan ketabahan seorang wanita untuk menghadapi situasi yang mencabar. Walaupun Nuha sedar bahawa dia tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membayar tambang kereta pulang ke rumah, dia tetap memilih untuk tidak menagih simpati atau bergantung kepada Tajul. Sikap ini menonjolkan ciri emansipasi yang kuat, di mana Nuha menunjukkan bahawa seorang wanita mampu berdikari dan menyelesaikan masalahnya sendiri tanpa perlu bergantung kepada lelaki. Situasi ini menggambarkan ketahanan emosi dan kekuatan mental Nuha, yang menolak stereotaip bahawa wanita adalah golongan yang lemah atau mudah menyerah. Sebaliknya, tindakan Nuha mencerminkan pandangan bahawa wanita juga memiliki keupayaan untuk mengatasi cabaran, bertindak dengan bijak, dan membuat keputusan yang menunjukkan kecekalan. Babak ini tidak hanya menguatkan mesej emansipasi wanita tetapi juga mengilhamkan bahawa kebergantungan kepada diri sendiri dan keberanian dalam menghadapi cabaran adalah aspek penting dalam memperjuangkan hak serta maruah diri seorang wanita.

3.2 Alam Perkahwinan: Watak Wanita dalam Hubungan Ikatan Kekeluargaan.

Keganasan rumah tangga berlaku apabila pasangan menggunakan kawalan atau kekerasan yang menyebabkan kecederaan, sama ada secara emosi, fizikal, atau seksual (Nuruaslizawati Ayod et al., 2022). Kekerasan ini merupakan salah satu ciri perhambaan dalam konteks hubungan antara lelaki dan wanita, di mana salah satu pihak, biasanya lelaki, mengeksploitasi, mengawal, atau merendahkan pasangannya secara berulang-ulang. Situasi ini menggambarkan hubungan yang tidak seimbang dan toksik, di mana individu yang menjadi mangsa sering terperangkap secara fizikal, emosi, atau ekonomi, menjadikan mereka sukar untuk melepaskan diri daripada hubungan tersebut. Fenomena ini



menonjolkan sifat dominasi dan manipulasi yang menjadi asas kepada kekerasan rumah tangga, di mana pasangan yang melakukan kekerasan sering menggunakan ketakutan dan kawalan untuk memastikan pengaruh mereka terhadap mangsa. Mangsa, dalam konteks ini, kehilangan kebebasan dan kuasa untuk membuat keputusan sendiri, menjadikan mereka terus terjebak dalam keadaan yang merugikan. Kekerasan rumah tangga bukan sahaja membawa kesan buruk kepada individu yang menjadi mangsa tetapi juga memberi implikasi yang lebih luas terhadap keluarga dan masyarakat, memperkukuh perlunya intervensi dan sokongan untuk memutuskan kitaran keganasan ini.

Masalah keganasan rumah tangga ini dapat difahami melalui teks yang menggambarkan bagaimana seorang lelaki yang menggunakan kekerasan terhadap wanita mencipta kesan negatif terhadap golongan wanita dalam masyarakat. Perilaku ini bukan sahaja merosakkan hubungan antara pasangan tetapi juga mencipta ketakutan dan ketidakpercayaan dalam kalangan wanita terhadap institusi perkahwinan. Sikap lelaki yang menggunakan kekerasan, sama ada fizikal, emosi, atau seksual, memberikan gambaran buruk terhadap wanita, sekali gus menjadikan mereka bimbang untuk mendirikan rumah tangga kerana risiko menjadi mangsa keganasan. Seperti yang disokong oleh Yofiendi Indah Indainanto (2020), kekerasan seksual dalam rumah tangga yang dilakukan oleh pelaku terhadap mangsa adalah perbuatan salah yang meninggalkan kesan mendalam, termasuk trauma jangka panjang. Kesan ini bukan sahaja mempengaruhi kesejahteraan fizikal dan mental mangsa tetapi juga menyumbang kepada stigma sosial yang menyulitkan mangsa untuk bangkit dan mendapatkan keadilan. Babak ini menekankan kepentingan menghentikan keganasan dalam rumah tangga dan menanamkan nilai hormat serta empati dalam hubungan untuk mengelakkan kesan buruk terhadap individu dan masyarakat secara keseluruhan.

Bam! Muka Nuha sudah tersembam di atas *dashboard* kereta. Nuha menekup mukanya yang terasa pijar semacam. Hidungnya terasa mahu patah. Mengalir air mata Nuha dibuatnya.

“Abang!” Nuha memandang Tajul dengan pandangan tidak percaya. Tiba-tiba sahaja Tajul menolak belakang kepalanya dengan kuat. Tidak ada angin, tidak ada rebut, tidak semena-mena Tajul mengamuk.

“Kenapa? Kau tak puas hati? Itu balasan untuk isteri yang tak pernah mahu dengar cakap suami. Isteri derhaka!”

Hidung Nuha tiba-tiba terasa panas. Dia menyapu cecair yang mulai keluar dari hidungnya.

(Muka surat 140)

Berdasarkan situasi yang digambarkan dalam teks, Nuha dianiaya secara kasar oleh suaminya. Sebagai contoh, Nuha telah ditolak dengan kasar oleh Tajul sehingga wajahnya terhantuk pada papan pemuka kereta. Tindakan ini menunjukkan bahawa Tajul tidak bertindak secara rasional terhadap isterinya serta tidak menggunakan bahasa yang baik, malah bertindak dengan kekasaran yang melampau. Menurut Nadiyah Mohamed Daud et al. (2021), keganasan rumah tangga boleh didefinisikan sebagai satu bentuk percubaan untuk menguasai pasangan dalam institusi perkahwinan. Fenomena keganasan ini merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kehancuran sesebuah rumah tangga, khususnya apabila hubungan antara suami dan isteri tidak menampakkan kebahagiaan dalam kehidupan berkeluarga.



Menurut kajian oleh Nuruaslizawati Ayod et al. (2022), kuasa dan kawalan sering dilaksanakan oleh pendera melalui pelbagai tindakan seperti penderaan, intimidasi, dan paksaan bagi memastikan pasangan mematuhi arahan serta hidup dalam ketakutan. Wanita yang mengalami penderaan fizikal atau mental dalam hubungan yang sah cenderung menghadapi ketakutan dan trauma yang berpanjangan sepanjang hayat. Sehubungan itu, Nadiah Mohamed Daud et al. (2021) menyatakan bahawa kebanyakan mangsa wanita yang didera mengalami kecederaan fizikal, seperti luka dan lebam, yang menjadi akibat langsung daripada penderaan tersebut. Selain itu, terdapat juga mangsa yang menderita penyakit psikosomatik, iaitu gangguan yang melibatkan aspek fizikal dan mental secara serentak. Di samping itu, peranan lelaki sebagai pelindung keluarga sering kali ditekankan, di mana mereka seharusnya berkorban demi mempertahankan perkahwinan serta melindungi isteri dan keluarga (Tan Lee See et al., 2018). Hal ini selaras dengan pandangan masyarakat yang mengiktiraf bahawa peranan lelaki dan perempuan dalam institusi keluarga saling melengkapi serta dapat berkembang mengikut keperluan dan keinginan pasangan serta keluarga tersebut. Oleh itu, adalah penting bagi setiap individu untuk memahami nilai-nilai serta tanggungjawab yang relevan dalam konteks perkahwinan dan keluarga masing-masing.

“Saya nak buat pemeriksaan kehamilan,” beritahu Nuha sebaik sahaja sampai di depan kaunter klinik itu.

“Baru pertama kali datang ke sini ke puan?” tanya pembantu klinik dengan suara yang ramah.
“Ya.”

“Tinggalkan kad pengenalan puan ya. Sila tunggu dulu sebentar lagi kami akan panggil.”

(Muka surat 186)

Penonjolan ciri emansipasi dapat dilihat melalui tindakan Nuha yang menunjukkan keupayaannya menjaga diri sendiri selepas mengetahui dirinya hamil. Tindakan tersebut mencerminkan konsep emansipasi, di mana seorang wanita tidak semestinya bergantung sepenuhnya kepada lelaki, walaupun dalam keadaan awal kehamilan. Keputusan Nuha untuk menjaga dirinya secara berdikari selepas mengetahui keadaannya merupakan manifestasi jelas terhadap emansipasi. Beliau mengambil tanggungjawab penuh terhadap kehamilannya dengan mengutamakan kesejahteraan dirinya tanpa bergantung kepada pihak lain. Selain itu, hubungan yang toksik dan tidak sihat sering kali wujud apabila salah satu pihak cuba mengawal pasangan secara ketat, menggambarkan obsesi yang tidak sihat dalam hubungan tersebut. Situasi ini biasanya memberi kesan buruk kepada individu yang dijadikan objek kawalan tersebut. Menurut Umi Khusnul Khatimah (2016), hubungan yang ideal seharusnya berasaskan kesepakatan dan keikhlasan kedua-dua pihak, bukan melalui paksaan yang hanya membawa penderitaan kepada salah satu pihak. Hal ini demikian kerana hubungan yang berpanjangan dan harmoni adalah cerminan kebahagiaan yang dikongsi bersama oleh kedua-dua individu dalam jalinan tersebut.

“Tidak, tidak. Lain kali Nuha tidak akan ulang lagi.”

“Diam!” melayang telefon yang sempat dicapai Tajul. Telefon Nuha yang diletakkan di atas almari solek di dalam bilik itu. Nuha memejamkan mata tatkala telefon itu betul-betul berada di hadapan mukanya. Pandangannya gelap seketika. Nuha mengetap bibir, menahan rasa sakit yang tidak terkira. Dia meraba bibirnya. Ada darah merah yang masih panas sedang mengalir.

(Muka surat 212)



Berdasarkan babak yang digambarkan, sikap cemburu Tajul dapat dikategorikan sebagai cemburu buta dan baran. Penguasaan yang wujud dalam hubungan suami isteri sering kali mencerminkan usaha untuk mengekalkan kuasa dan kawalan dalam konteks tanggungjawab suami, seperti yang dijelaskan dalam kajian Nuruaslizawati Ayod et al. (2022). Keganasan rumah tangga tidak terbatas kepada satu bentuk sahaja; ia boleh berlaku dalam pelbagai cara, yang kesemuanya bertujuan untuk mengekalkan dominasi dalam hubungan. Kesan daripada keganasan ini sering kali membawa kepada penindasan mangsa, mengakibatkan tekanan emosi yang serius dan trauma yang berpanjangan dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam konteks memperkukuhkan dominasi, budaya penggunaan bahasa dalam rumah tangga juga memainkan peranan penting, tanpa melibatkan tindakan langsung terhadap tubuh badan pasangan (Yofiendi Indah Indainanto, 2020). Walau bagaimanapun, kronologi tabiat kekerasan, seperti pukul-memukul dalam rumah tangga, merupakan satu bentuk kekejaman seksual yang serius terhadap pasangan. Menurut Nadiah Mohamed Daud et al. (2021), keganasan ini sering berlaku kepada mangsa yang lemah, baik dari segi kekuatan fizikal mahupun saiz tubuh badan, menjadikan mereka tidak berdaya untuk melawan. Oleh itu, hak pembelaan terhadap wanita untuk membebaskan diri daripada penguasaan lelaki yang tidak waras harus diperjuangkan. Dalam hubungan yang sihat dan harmoni, penggunaan bahasa positif dalam rumah tangga adalah elemen penting untuk mewujudkan komunikasi yang baik. Pendekatan ini dapat menjadi asas kepada hubungan yang lebih sihat, sekaligus mengelakkan dominasi dan keganasan dalam institusi perkahwinan.

“sakit bang... tolonglah. Lepaskan Nuha. Sekali ini sahaja, kasihanlah pada Nuha bang...” Tajul tidak peduli. Rayuan Nuha itu sudah lali pada pendengarannya. Sudah tidak memberi kesan apa-apa. Tubuh Nuha ditolak kuat oleh Tajul. Kali ini tubuh itu berlaga pula dengan meja Konsul. Nuha memegang bahagian tepi pinggan yang sakitnya tidak tahu bagaimana untuk dia gambarkan. Hanya air mata dan jeritan sahaja yang mampu dihamburkan oleh Nuha.

Tajul seolah-olah sudah dirasuk. Matanya mencari-cari apa yang boleh dicapainya. Terpandang pula kayu hoki yang berada di atas almari. Kayu hoki yang digunakan sewaktu dia menjadi salah seorang ahli pasukan hoki di kolej tempatnya belajar dulu. Diambilnya kayu hoki itu lalu berjalan menghampiri Nuha yang sedang berpaut pada kepala sofa. Dipandang tangan Nuha yang kejam memegang sofa.

(Muka surat 251)

Berdasarkan babak yang dinyatakan, konflik antara Tajul dan Nuha berpunca daripada tindakan Nuha yang menyembunyikan kehamilannya. Hal ini kerana Tajul menolak untuk menerima zuriat hasil daripada kehamilan tersebut, sehingga bertindak memukul Nuha sebagai manifestasi ketidaksetujuannya. Sikap kasar dan tabiat Tajul yang sering menggunakan kekerasan terhadap isterinya menjadi punca utama keretakan rumah tangga mereka. Dalam kes ini, tindakan agresif Tajul tidak hanya menghancurkan hubungan mereka, tetapi juga menyebabkan Nuha merasa tidak selamat dan terancam. Akhirnya, Nuha mengambil keputusan untuk mengakhiri hubungan yang jelas merosakkan kehidupannya. Keganasan rumah tangga yang berlaku dalam situasi ini membawa kesan serius, termasuk implikasi jenayah yang berat kerana mencederakan individu lain secara fizikal. Seperti yang dinyatakan oleh Nadiah Mohamed Daud et al. (2021), perilaku keganasan bukan sahaja memberi kesan negatif kepada mangsa tetapi juga menjadikan pelaku terlibat dengan jenayah yang melanggar undang-undang di Malaysia. Dalam konteks emansipasi, ia merujuk kepada usaha untuk membebaskan individu atau kumpulan daripada sekatan, diskriminasi, atau penindasan yang dialami dalam masyarakat. Bagi wanita, emansipasi melibatkan pembebasan daripada batasan tradisional, norma sosial, dan struktur kuasa yang telah lama menghalang partisipasi penuh mereka dalam kehidupan



sosial dan peluang untuk mencapai kesetaraan. Emansipasi ini adalah langkah penting ke arah membentuk masyarakat yang lebih inklusif dan adil.

3.3 Selepas Cerai: Watak Wanita dalam Memodenkan Wanita Berdiri Sendiri.

Perceraian merupakan satu proses yang melibatkan pasangan suami isteri yang menghadapi masalah dalam hubungan mereka, sehingga sukar untuk menyesuaikan kembali peranan masing-masing serta memperbaiki hubungan dengan lingkungan sosial (Darmawati H., 2017). Dalam konteks ini, penyesuaian kepada suasana baharu selepas perceraian boleh memberikan ketenangan dan kestabilan hidup, tanpa perlu meletakkan harapan kepada cinta yang bersifat palsu. Selepas perceraian, perancangan masa depan yang bijak menjadi aspek yang amat penting. Perancangan ini merangkumi pengurusan kewangan, penetapan tempat tinggal yang sesuai, serta pencapaian matlamat peribadi. Fokus kepada usaha untuk membentuk masa depan yang stabil dan terpusat pada keperluan diri dapat membantu meningkatkan keyakinan diri individu, sekaligus memperbaiki kualiti hidup pasca perceraian.

“Kalau Nuha dah tak mahu teruskan perkahwinan ini, boleh?” tanya Nuha, polos.

“Alhamdulillah.” Serentak suara semua orang mengucapkan kalimah kesyukuran itu sambil tangan masing-masing mendah ke langit. Nuha senyum kecil, sudah diagaknya, memang keputusan itulah yang diharapkan oleh semua orang.

(Muka surat 310)

Berdasarkan babak yang digambarkan, Nuha memutuskan untuk bercerai dengan Tajul selepas mengalami kejadian keganasan rumah tangga di mana beliau dipukul dengan teruk. Dalam situasi ini, peranan keluarga dapat dilihat melalui pemberian nasihat dan pandangan yang positif tanpa unsur paksaan. Hal ini demikian kerana fungsi utama keluarga adalah memberikan sokongan moral dan emosi untuk membantu ahli keluarga menghadapi cabaran hidup. Menurut Endary Fatimaningsih (2015), terdapat tiga fungsi utama keluarga yang berperanan dalam mengekalkan kestabilan dan melindungi hubungan kekeluargaan, iaitu fungsi sosialisasi, fungsi penempatan sosial atau identiti, dan fungsi perlindungan material serta emosi. Fungsi-fungsi ini penting untuk memastikan keluarga dapat melindungi dan menyokong anggotanya, serta mencegah kemusnahan hubungan akibat tindakan negatif individu tertentu. Dalam hal ini, komunikasi yang berkesan dalam keluarga menjadi asas untuk memastikan keluarga dapat beradaptasi dan terus memainkan peranan penting dalam memelihara kestabilan dan hubungan yang harmonis.

Walau bagaimanapun, perceraian sering dianggap sebagai kegagalan dalam institusi rumah tangga. Kegagalan ini mencerminkan konflik yang tidak dapat diselesaikan secara harmoni, seperti yang dinyatakan oleh Darmawati H. (2017), di mana perceraian dianggap sebagai kegagalan dalam membina keluarga yang rukun. Selain itu, isu perceraian sering menjadi perhatian masyarakat dan media sosial, menjadikannya subjek yang sensitif dan kadangkala kontroversial. Keputusan untuk bercerai, bagaimanapun, adalah proses yang melibatkan pertimbangan mendalam oleh pasangan untuk mengakhiri perkahwinan mereka. Faktor-faktor yang menyumbang kepada perceraian termasuk perbezaan nilai, ketidaksepakatan, masalah komunikasi, serta perubahan dalam kehidupan individu. Dalam situasi ini, keluarga yang tidak menghormati keputusan pasangan untuk bercerai menunjukkan kekurangan kepekaan terhadap realiti yang dihadapi oleh pasangan tersebut. Oleh itu, penting untuk



memahami bahawa perceraian, walaupun dianggap kegagalan oleh sesetengah pihak, boleh menjadi langkah ke arah kehidupan yang lebih baik bagi kedua-dua individu yang terlibat.

“bukan salah dia kamu kata? Adik kamu sekarang merengkok dalam penjara, itu semuanya disebabkan siapa kalau bukan sebab perempuan ni?” jari Puan Mona lurus menuding ke muka Nuha. Hampir sahaja terkena hidung Nuha yang separuh mancung. Bulan lalu tajul telah didapati bersalah kerana mencederakan Nuha dengan niat dan dijatuhkan hukuman penjara selama tujuh tahun berkuat kuasa pada tarikh dia ditangkap.

(Muka surat 318)

Berdasarkan teks di atas, Nuha mengenang kembali peristiwa ketika Tajul dijatuhi hukuman penjara selama tujuh tahun selepas perceraian mereka di mahkamah. Keganasan yang dilakukan oleh Tajul terhadap Nuha telah memberikan kesan buruk bukan sahaja terhadap fizikal, tetapi juga terhadap masa depan Nuha. Namun, ibu Tajul tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah yang hanya mempersalahkan Tajul dalam kes tersebut. Situasi ini menggambarkan bagaimana kesabaran dan ketabahan Nuha selama ini akhirnya terbalas dengan hukuman yang diberikan kepada Tajul. Hukuman penjara tersebut boleh dijadikan sebagai pengajaran penting kepada individu yang melakukan kesalahan agar mereka menyedari implikasi serius daripada tindakan mereka.

Selain itu, pencapaian wanita dalam bidang pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan (Kalsum Umar et al., 2021). Pendidikan merupakan medium yang signifikan bagi wanita untuk meningkatkan taraf kehidupan kerana tahap pendidikan yang tinggi memberikan peluang untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan stabil. Wanita yang berpendidikan dan berkerjaya tidak hanya memperkukuhkan kedudukan ekonomi mereka, tetapi juga mempertingkatkan nilai kehidupan mereka secara keseluruhan. Martabat wanita terletak pada keupayaan mereka untuk merancang masa depan dengan bijak, memastikan kesejahteraan diri, dan berusaha untuk mencapai potensi penuh dalam pelbagai aspek kehidupan.

ya sebenarnya sebelum buka kedai bunga tu, Nuha ada juga mohon untuk sambung buat master. Rezeki Nuha, tak lama lepas buka kedai bunga tu, permohonan Nuha untuk sambung belajar tu Berjaya rupanya. Diringkaskan cerita, lepas berbincang dengan semua, Nuha sambung belajar semula. Habis belajar, Nuha dapat great offer from company tempat Nuha buat case study, then here I am now.

(Muka surat 340)

Menurut situasi yang digambarkan, watak Nuha menunjukkan usaha gigih untuk memperbaiki diri dengan memajukan kehidupannya melalui pencapaian dalam bidang pendidikan dan ekonomi. Tindakan bijak Nuha untuk tidak bergantung kepada sesiapa adalah langkah yang wajar dan boleh dijadikan pengajaran kepada masyarakat. Selepas perceraian dengan bekas suaminya, Nuha menikmati kehidupan yang lebih tenang tanpa perlu berhadapan dengan kekangan dan kawalan yang melampau. Kaum wanita, seperti Nuha, hanya menginginkan kasih sayang yang tulus dan ikhlas, bukan pasangan yang mementingkan diri sendiri dan hanya berfokus kepada kepuasan peribadi. Hal ini selaras dengan pandangan Kalsum Umar et al. (2021), yang menegaskan bahawa wanita harus diberikan hak dan peluang yang lebih besar untuk mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik serta mampu bersaing secara setara dengan lelaki. Memberikan hak dan peluang kepada wanita bukan sahaja merupakan keadilan dari sudut nilai kemanusiaan, tetapi juga menyumbang kepada manfaat besar bagi pembangunan masyarakat secara keseluruhan. Melalui penglibatan aktif wanita dalam pendidikan dan ekonomi, keseimbangan sosial dan kemajuan masyarakat dapat dicapai dengan lebih berkesan.



4.0 Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa emansipasi wanita, seperti yang ditonjolkan dalam novel *Dia Bukan Syurga* karya Rissa Adhiya (2018) melalui watak Nuha adalah contoh wanita boleh bangkit daripada situasi yang menindas dan mencipta kehidupan yang lebih baik. Ini sekaligus membuktikan bahawa wanita mampu berdikari dan memainkan peranan yang penting dalam memperjuangkan hak-hak mereka di tengah cabaran sosial dan tradisional. Terbukti lagi bahawa pentingnya pembebasan wanita daripada penindasan dan stereotaip bahawa mereka adalah golongan lemah. Analisis terhadap watak wanita dalam novel ini membuktikan bahawa wanita memiliki potensi, ketahanan, dan kemampuan untuk bangkit selepas ditindas. Kajian ini berjaya mencapai objektif utamanya dengan menunjukkan bahawa konsep emansipasi dalam novel tersebut memperjuangkan hak kesamarataan antara lelaki dan wanita, di mana setiap individu berhak menjalani kehidupan yang bebas daripada penindasan. Emansipasi dirumuskan sebagai proses pembebasan dan pemberian hak yang sama kepada wanita dalam semua aspek kehidupan, termasuk sosial, ekonomi, dan budaya. Ia juga menekankan pentingnya pendidikan untuk meningkatkan kesedaran wanita tentang hak-hak mereka serta peranan aktif mereka dalam menentukan masa depan. Secara keseluruhannya, emansipasi wanita bukan sahaja memberi peluang kepada wanita untuk berkembang, tetapi juga menyumbang kepada keseimbangan dan keadilan dalam masyarakat. Kajian ini menyeru kepada penghargaan terhadap nilai kesetaraan dan usaha mengurangkan penindasan terhadap wanita dalam kehidupan seharian.

Rujukan

- Andestend. (2020). Feminisme sosialis di dalam novel mencari perempuan yang hilang Karya Imad Zaki. *Jurnal Ilmiah Korpus*, 4(1), 138-147. <https://doi.org/10.33369/jik.v4i2.8022>
- Arum Sutrisni Putri. (21 April 2020). *Pengertian emansipasi wanita*. <https://www.kompas.com/skola/read/2020/04/21/170000969/pengertian-emansipasi-wanita?page=all>
- Citra Mustikawati (2015). Pemahaman emansipasi wanita: Studi hermeneutika makna emansipasi wanita dalam pemikiran R. A. Kartini pada buku Habis Gelap Terbitlah Terang. *Jurnal Kajian Komunikasi*, 3(1), 65-70. <http://journal.unpad.ac.id/jkk/article/viewFile/7395/3399>
- Darmawati H. (2017). Penceraian dalam persektif sosiologi. *Jurnal Wawasan Keislaman*, 11(1), 64-78. <https://journal3.uinalauddin.ac.id/index.php/sls/article/view/3548/3296>
- Elizatul Nastaysah Kamaruddin. (2016). *Representasi watak wanita dalam karya sastera melayu moden berdasarkan kerangka taklif*. [Tesis master yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/58458/>
- Endary Fatimaningsih. (2015). Memahami fungsi keluarga dalam perlindungan anak. *Jurnal Ilmiah Kajian Ilmu Sosial dan Budaya*, 17(2), 77-88. <https://www.academia.edu/download/55315459/ipi430094.pdf>
- Herman Didipu, Sance A. Lamusu & Lily Alvionita Maksum. (2021). Emansipasi wanita dalam novel *Aku Lupa Bahwa Aku Perempuan* karya Ihsan Abdul Quddus. *Jurnal Bahasa, Sastra, dan Budaya*, 11(2), 86-107. <http://dx.doi.org/10.37905/jbsb.v11i2.10100>
- Indah Sriwahyuni & Yasnur Asri. (2020). Kritik sosial dalam novel *Nayla* karya Djenar Maesa Ayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 9(1), 90-96. <https://doi.org/10.24036/108268-019883>



- Kalsum Umar, Muhammad Khari Lukiwan & Muhammad Arbaie al-Jiddan. (2021). Proceeding the 1st international conference on sosial studies and citizenship (ICSSC 2021). *Emansipasi Islam dalam mengubah persepsi wanita melayu terhadap pendidikan*. <http://surl.li/icmtt>
- Laura Andri Retno M. (2018). Penindasan perempuan melalui perkahwinan dalam novel Gadis Tangsi karangan Suparto Brata. *Jurnal Ilmu Bahasa dan Sastra*. 13(2), 284-290. <https://bit.ly/3ijvYJI>
- Mohd Yusof Ahmad. (14 Januari, 2017). Masyarakat perlu lebih peka dengan keadaan sekeliling. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masyarakat-perlu-lebih-peka-dengan-keadaan-sekeliling-mufti-128896>
- Nadiah Mohamed Daud, Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Hafiz Jamaludin. (2021). Keganasan rumah tangga di Malaysia: Satu analisis literatur. *Journal of Shariah Law Research*. 6(2), 273-296. <http://ajba.um.edu.my/index.php/JSLR/article/view/33966>
- Naomi Natalia Pangaribun, Netti Vera br Ginting, Rini Wulandari br Purba, Parsoaran Aritonang, & Annisa. (2019). Kritikan sosial pada novel Dilan: Dia Adalah Dilanku tahun 1990 karya Pidi Baiq. *Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pembelajaran*, 1(1), 01-08. <http://journal2.ua.ac.id/index.php/genre/index>
- Nur Saadah Khair. (23 November 2020). Memahami konsep emansipasi wanita. *Bernama*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1903091>
- Nurhasmira Mat Rusok, Roslina Abu Bakar, Arbai'e Sujud & Rozita Mohamed Noor (2019). Emansipasi wanita dalam sosial menerusi novel-novel pilihan 1960-an-1990-an. *Jurnal Kesidang*, 4(1), 38-52. <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/531>.
- Nurhasmira Mat Rusok. (2018). *Emansipasi wanita dalam novel-novel pilihan*. [Tesis master yang tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/83350/>
- Nuruaslizawati Ayob, Siti Hajar Abdul Rauf, Rumaina Hadjiri & Nurunsa'adah S. (2022). Pekerjaan dan keganasan rumah tangga: Satu kajian kuantitatif terhadap pasangan yang berkahwin di Malaysia. *Asian People Jurnal*, 5(1), 53-62. <https://doi.org/10.37231/apj.2022.5.1.297>
- Paizah Ismail. (2010). Wanita status sosial dan undang-undang Islam (1st). Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Sarajini A/P Karuppiyah. 2018. *Imej wanita dalam novel "Asam Pedas untuk Dia" dan "Ombak Rindu": Kajian kritikan feminis*. [Tesis Master yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya. <http://studentsrepo.um.edu.my/id/eprint/12046>
- Saidatul Nadia. (2021). *Kepengarangan Rahimudin Zahari terhadap wanita dalam sajak-sajak Cinta: Satu penelitian kritik feminis*. [Tesis Ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya Kelantan. <http://umkeprints.uk.edu.my/id/eprint/12007>



Tan Lee See, Sa'odah Ahmad & Zanariah Ismail. (2018). Perkaitan antara gaya bercinta dengan kepuasan perkahwinan kalangan orang Islam di Selangor. *Journal of Social Science*, 4(1), 22-11. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol4.1.4.2018>

Umi Khusnul Khatimah. (2016). Hubungan seksual suami-isteri dalam perspektif gender dan hukum Islam. *Jurnal Ilmu Syariah*, 13(2), 235-244.
<http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/handle/123456789/30927>

Walimatul Quliyah Matiasin. (2022). *Transkripsi perwatakan wanita dalam novel Hatimu Aisyah karya Zurinah Hassan: Perspektif feminisme*. [Tesis Ijazah sarjana muda yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaysia Kelantan. <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/3671>

Yofiendi Indah Indainanto. (2020). Normalisasi kekerasan seksual wanita di media online. *Jurnal Komunikasi*. 14(2), 105-118. <https://doi.org/10.21107/ilkom.v14i2.6806>

